

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

BULETIN

JAWHAR

PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF



ISSN 1985 - 2029 BIL 2/2013

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK HOTEL WAKAF TERENGGANU



Bengkel Tadbir
Urus Terbaik

M/S 8

Hikmah Berzakat
terhadap Umat
Islam

M/S 12

Pengenalan
Konsep Perbankan
Islam

M/S 14



Perutusan Ketua Pengarah

Buletin JAWHAR Bil.2/2013

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan inayahNya jua kita masih dapat menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan dalam penerbitan Buletin Bil.2 tahun 2013. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta sahabat-sahabat Baginda.

Dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia dan penuh keberkatan ini, JAWHAR telah berjaya menerbitkan Buletin Bil.2 Tahun 2013 yang memaparkan informasi terkini yang lebih bermanfaat kepada umat Islam di negara ini.

Firman Allah S.W.T:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa."

(Al-Baqarah:183)

Sabda Nabi Muhammad S.A.W:

"Rasulullah saw bersabda: "Puasa itu merupakan perisai yang dapat menghalangi seorang hamba dari panasnya siksa api neraka"

(HR. Ahmad)

Apabila membicarakan mengenai bulan ramadhan, ia menghubungkan kita dengan kewajipan berpuasa yang merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilakukan

oleh umat Islam. Ramadhan merupakan satu bulan yang di dalamnya mempunyai satu malam yang dinamakan Lailatul Qadar.

Firman Allah S.W.T :

"Malam Al-Qadar lebih baik dari seribu bulan."

(Al-Qadr : 2) .

Pada kesempatan ini marilah kita bersama melaksanakan dengan bersungguh tugas dan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah S.W.T seterusnya juga sebagai penjawat awam yang telah diamanahkan untuk melaksanakan apa jua gerak kerja dalam meneruskan agenda transformasi negara.

Kekuatan dan keampuhan yang ada melalui sikap saling bekerjasama antara satu sama lain menjadikan JAWHAR akan terus mengorak langkah lebih jauh dalam menjayakan setiap program yang telah dirancang bagi merealisasikan hasrat yang telah termaktub dalam Pelan Strategik dan juga Sasaran Kerja Tahunan Jabatan.

Akhir kalam, marilah kita bertekad untuk bekerja dengan lebih gigih, berdedikasi, berintegriti dan komited demi masa depan JAWHAR, masyarakat dan negara serta peranan yang lebih utama untuk memartabatkan syiar Islam yang dicintai ini.

Sekian,

Datuk Haji Anan bin C Mohd
Ketua Pengarah
JAWHAR

SIDANG REDAKSI

Penaung:
YBHG. DATUK HAJI ANAN BIN C MOHD

Penasihat:
HJ. MU'AZ BIN HJ. ZAWAWI

Ketua Editor:
HAJI MOHD BAKRI BIN IBRAHIM

Editor:
ABDUL HAKIM BIN ABDUL RAUF
NORLIZAH BINTI MAINOORDIN

Pengarang:
SH. HAZWANI BALQIS BINTI SY. MOHD ZAWAWI
DAHLIA BINTI ISHAK
ROHAIZAH BINTI ROJULAN
MOHD FAZARUL BIN MOHD SAFAIN

Jurufoto:
ILI RAIDAH BINTI MAHAT



Isi Kandungan

Buletin JAWHAR Bil.2/2013

BERITA

Majlis Penyerahan Projek Hotel Wakaf Terengganu	04
Teroka Strategi Memperkasakan Pengurusan Harta Wakaf	06
JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.2/2013	07
Harta dan Wang Tidak Dituntut Milik Orang Islam	08
Bengkel Pelan Strategik ICT JAWHAR Siri 2/2013	09



ARTIKEL

Hikmah Berzakat Terhadap Umat Islam	10
Pengenalan Konsep Perbankan Islam	12



GALERI	14
--------	----

PENERBITAN	16
------------	----

INFO WARGA	
------------	--

Yang Patah Tumbuh, Yang Hilang Berganti	17
Permata JAWHAR	18



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK

HOTEL WAKAF TERENGGANU

Pembangunan hartaan wakaf di Malaysia mencatat sejarahnya yang tersendiri apabila Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri berjaya menyiapkan hotel wakafnya yang terbesar di bandar Kuala Terengganu. Ia terletak di tengah bandar berhampiran dengan Stesen Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Majlis penyerahan kunci bangunan hotel wakaf Kuala Terengganu telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Hajah Hasnah binti Haji Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU)

Jabatan Perdana Menteri pada 8 April 2013 bersamaan 27 Jamadil Awal 1434H. Hotel yang dibina dengan kos RM41 juta ini mengandungi 180 bilik dan merupakan hotel yang ke 4 disiapkan oleh JAWHAR menerusi Jabatan Kerja Raya. Bangunan hotel 7 tingkat ini kelihatan menarik sekali kerana rekabentuk yang bercirikan Islam disamping terdapat kemudahan kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa yang mengasingkan lelaki dan perempuan. Di



Datuk Haji Anan bin C. Mohd menerima dokumen penyerahan projek

samping itu terdapat 2 dorm untuk lelaki dan perempuan yang boleh diisikan sebanyak 50 katil dan amat sesuai kepada pengunjung yang datang secara berkumpulan.

Di dalam majlis tersebut, Ketua Pengarah JAWHAR Datuk Haji Anan C. Mohd telah menerima dokumen penyerahan projek dan replika kunci hotel daripada JKR yang diwakili oleh Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) Ibu pejabat, Datuk Ar. Prof. Dr. Amer Hamzah bin Mohd Yunus. Replika Kunci Hotel tersebut kemudiannya diserahkan kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama/Ketua Pegawai Esekutif MAIDAM, Dato' Haji Mohd Rozali bin Salleh.

Dianggarkan lebih 250 jemputan turut hadir menyaksikan majlis ini termasuklah Ketua Pengarah JAWHAR, Datuk Haji Anan bin C. Mohd, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), Datuk Ar. Prof. Dr. Amer Hamzah bin Mohd Yunus, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama/Ketua Pegawai Esekutif MAIDAM, Dato' Haji Mohd Rozali bin Salleh dan Pengarah JKR Negeri Terengganu Tuan Haji Shafei bin Mohamed



serta pegawai-pegawai kanan daripada beberapa jabatan dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

Di majlis yang sama juga turut diadakan penyerahan surat kuasa operasi hotel oleh MAIDAM kepada Yayasan Wakaf Malaysia dan seterusnya kepada operator hotel iaitu Syarikat Ayahbonda Sdn Bhd untuk tujuan pengoperasian.

Keseluruhan sumber kewangan bagi membina bangunan hotel yang tersergam indah ini adalah diterima daripada dana pembangunan hartanah wakaf di bawah JAWHAR RMKe-10.



Ucapan perasmian daripada YBhg Datuk Hajjah Hasnah

Sebelum ini 3 hotel wakaf JAWHAR bertaraf 3 + bintang telah siap dan beroperasi iaitu Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM) di Melaka berharga RM25.6 juta, Hotel Klana Beach Resort (JAWHAR- MAINS) di Port Dickson, Negeri Sembilan berharga RM33 juta dan Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) di Perak berharga RM19 juta. Ia merupakan satu sumbangan dalam bentuk wakaf untuk kemaslahatan ummah daripada Kerajaan Persekutuan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri.



Datuk Haji Anan bin C. Mohd menerima replika kunci hotel



Penyerahan surat kuasa operasi hotel oleh MAIDAM

Teroka Strategi Memperkasakan Pengurusan Harta Wakaf: JAWHAR Jalin Kerjasama bersama Agensi Kerajaan dan Swasta



Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg Datuk Haji Anan bin C. Mohd, (KP JAWHAR)

Port Dickson - Menyedari hakikat wakaf sebagai salah satu sistem ekonomi alternatif dan mekanisme penting dalam struktur ekonomi Islam yang berdasarkan kesaksamaan dan keadilan sejagat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf bersama Agensi Kerajaan dan Swasta bertempat di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan pada 24-26 Jun 2013 bersamaan 15-17 Sya'aban 1434H. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg Datuk Haji Anan bin C.Mohd, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan dihadiri oleh pegawai dari Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), UDA, Institusi Perbankan, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Teraju, serta pegawai-pegawai dari JAWHAR.

Dalam usaha memelihara aset tanah wakaf yang mempunyai nilai kormesial yang amat tinggi, JAWHAR merasakan penglibatan dari agensi lain amat diperlukan demi menjaga

kepentingan pewakaf serta memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap kepentingan berwakaf. Di samping itu, wakaf yang diuruskan secara professional dan sistematik berperanan mengagihkankekayaan dan pada masa yang sama mampu mengurangkan liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh sesebuah kerajaan melalui pentadbiran dan pengurusan yang cekap di samping menyokong kekuatan dan kestabilan ekonomi di kalangan masyarakat Islam.

Selain itu, hasil perbincangan tersebut telah berjaya menjalin hubungan kerjasama rasmi antara JAWHAR dan agensi kerajaan yang lain serta swasta khususnya dalam pengurusan dan pengendalian harta wakaf. Usaha rintis ini akan dijadikan sebagai penanda aras kepada jalinan kerjasama strategik secara lebih meluas, sistematik dan berkesan. Penglibatan agensi ini diharapkan dapat memperkuatkannya lagi hubungan baik dan kerjasama antara JAWHAR untuk mencari strategi dan penyelesaian dalam usaha membangunkan harta wakaf umat Islam di negara ini.



Sekitar mesyuarat berlangsung



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) BIL.2/2013

Satu lagi siri JAWHAR Intellectual Discourse (JID) telah dianjurkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 4 Jun 2013 yang lalu bertempat di Auditorium Kompleks E, Putrajaya.

Siri kedua program JID pada tahun ini yang bertemakan "Cakna Kewangan Islam" telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR diikuti dengan pembentangan kertas kerja oleh tiga orang ahli panel yang berkepakaran dalam isu-isu semasa pengurusan ekonomi, kewangan dan perbankan Islam. Tiga kertas kerja telah dibentangkan pada program tersebut dimulakan dengan tajuk yang begitu signifikan iaitu "Memperkasa Peranan Umat Islam dalam Pembangunan Ekonomi Negara" yang telah dibentangkan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Ab. Majid, Dekan Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Program diteruskan lagi dengan pembentangan oleh YBrs. Ustaz Lokmanulhakim bin Hussain, Penyelidik di International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA) dengan tajuk pembentangannya iaitu "Sistem Kewangan Islam: Konsep dan Pelaksanaannya". Program yang telah mendapat sambutan seramai 310 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta penjawat awam dari Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Persekutuan di sekitar Putrajaya ini, dilengkapkan dengan pembentangan terakhir bertajuk "Isu-Isu Semasa dalam Perbankan Islam" oleh YBrs. Tuan Hj. Razli bin Ramli,

Ketua dan Penasihat Urusan Kanan Jabatan Penasihat Perniagaan Syariah, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).

Program ini turut dibuka untuk sesi soal jawab kepada para peserta bagi mengajukan pertanyaan dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi menambahkan lagi kefahaman dan penghayatan mengenai pelaksanaan Sistem Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia sebelum diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata kepada Ahli-ahli Panel Jemputan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih diatas pencerahan yang diberikan dan kesudiaan menjayakan JAWHAR Intellectual Discourse Bil.2/2013 pada kali ini. Semoga JID yang kedua pada tahun ini dapat memberikan manfaat bersama dalam membangunkan Sistem Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia.



Pembentangan daripada YBrs. Ustaz Lokmanulhakim (ISRA) dan YBrs. Prof Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Ab. Majid (UIAM)

Harta dan Wang Tidak Dituntut Milik Orang Islam



Bengkel Tadbir Urus Terbaik Harta dan Wang Tidak Dituntut Milik Orang Islam

Pada tanggal 11 hingga 13 Jun 2013 bersamaan 2 hingga 4 Syaaban 1434H, Bahagian Mal Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan Bengkel Tadbir Urus Terbaik Harta dan Wang Tidak Dituntut Milik Orang Islam bertempat di The Regency Hotel, Kuala Lumpur.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Mohd Bakri bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelaras JAWHAR mewakili Ketua Pengarah JAWHAR dan telah dihadiri seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) serta para pegawai JAWHAR selaku Urus Setia.

Turut hadir dalam bengkel ini adalah pakar-pakar rujuk yang terdiri daripada YBhg. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh

Mahamood dari Universiti Malaya (UM), Ust. Mohd Nazri Chik dan En. Muhammad Zahiruddin Mohd Zuhri dari Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Ust. Indera Shahril Mohd Shahid dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Pn. Azmayanti Mohd Assa'ad dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan tentang isu pengurusan harta dan wang tidak dituntut di Malaysia serta cadangan penyalurannya ke Baitulmal selaras dengan hukum Syarak dan keputusan fatwa. Bengkel ini juga bertujuan untuk memberikan pendedahan serta mendapatkan pandangan dan cadangan daripada para pegawai MAIN berkaitan cadangan penyaluran wang tidak dituntut milik orang Islam ke Baitulmal demi kemaslahatan ummah.



Para peserta yang hadir



Bengkel Pelan Strategik ICT JAWHAR Siri 2/2013

Pada 15 Mei 2013 hingga 17 Mei 2013, Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik ICT JAWHAR siri 2/2013 dengan kerjasama Perunding Pengurusan Strategik ICT, MAMPU. Ianya adalah kesinambungan daripada bengkel PSICT siri 1/2013. Bengkel ini telah diadakan di Hotel Sea View, Langkawi dan dihadiri oleh 28 orang peserta terdiri daripada ahli pasukan, PMO dan pasukan perunding MAMPU.

Bengkel PSICT siri 2/2013 telah dimulakan dengan sesi pembentangan Strategi dan Program ICT oleh Puan Rosnita binti Ismail selaku Pengurus Projek, diikuti ulasan penambahbaikan strategi dan program ICT setiap kumpulan daripada Perunding MAMPU, Dato' Dr. Zahari bin Othman. Seterusnya, taklimat Pelan Tindakan telah disampaikan oleh Dato' Dr. Zahari bin Othman.

Agenda diteruskan lagi dengan majlis perasmian oleh Ketua Pengarah JAWHAR, iaitu YBhg. Datuk Haji Anan C. Mohd. Dalam ucapannya, beliau berharap bengkel ini akan mengambil kira keperluan JAWHAR di masa akan datang. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' dan ahli Pasukan Perunding ICT Sektor Awam kerana sudi membantu JAWHAR dalam penyediaan Pelan Strategik ICT JAWHAR 2013-2016 ini,



Sesi perbincangan

semoga hasilnya nanti dapat dijadikan panduan kepada pihak jabatan dalam memacu keterbilangan kualiti kerja serta penyampaian perkhidmatan kerajaan khususnya dalam hal ehwal berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia.

Pada hari kedua, agenda diteruskan dengan sesi perbincangan dalam kumpulan mengenai Pelan Tindakan. Setiap wakil pasukan membentangkan mengenai pelan tindakan diikuti ulasan penambahbaikan daripada Perunding MAMPU, Dato' Dr. Zahari bin Othman telah diadakan.

Pada sebelah malamnya pula, taklimat Kos dan Prioriti telah disampaikan oleh Perunding MAMPU iaitu Puan Hasnah binti Suhaimi. Setelah itu, perbincangan oleh ahli pasukan telah diadakan.

Pada hari terakhir diadakan pembentangan oleh wakil kumpulan Aplikasi, Infra dan Pembudayaan mengenai Kos dan Prioriti. Seterusnya ulasan penambahbaikan daripada Puan Hasnah binti Suhaimi.

Puan Hasnah binti Suhaimi juga telah membentangkan *way forward* bengkel. Majlis diakhiri dengan ucapan penutup oleh Ketua Pengarah JAWHAR iaitu Datuk Anan bin C. Mohd.



Barisan peserta bengkel



HIKMAH

Berzakat Terhadap Umat Islam



Oleh:

Nurul Hidayah Yaacob

Bahagian Zakat

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Ia telah difardukan mulai tahun kedua hijrah. Dari segi bahasa zakat bererti tumbuh, bertambah, berkat, bersih, suci, subur dan berkembang maju. Manakala dari segi istilah syarak pula zakat bermaksud mengeluarkan harta tertentu kepada golongan-golongan yang tertentu dengan kadar yang tertentu.

Firman Allah swt :

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan rukuklah kamu semua bersama-sama orang yang rukuk.”

[surah Al-Baqarah: ayat 43]

Hukum Zakat

Pembayaran zakat diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam yang cukup syarat-syaratnya. Allah telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 110 yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau

membersihkan mereka dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

[Surah At-Taubah: ayat 103]

Jenis Zakat

Zakat terbahagi kepada dua bahagian yakni Zakat Fitrah dan Zakat Maal(zakat harta). Zakat fitrah adalah zakat yang wajib dikeluarkan oleh setiap orang muslim pada bulan Ramadhan. Manakala Zakat Maal (Zakat Harta), ia merangkumi zakat perniagaan, pendapatan, wang simpanan, emas dan perak, pertanian (padi), binatang ternakan, hasil galian dan harta karun.

Asnaf zakat

Zakat diagihkan kepada golongan yang tertentu (asnaf) sepertimana yang dimaktubkan di dalam surah At-Taubah ayat 60. Mereka adalah terdiri daripada orang-orang fakir, miskin, amil, muallaf, hamba yang hendak merdeka dengan bayaran, orang yang ber hutang, orang yang berjuang di jalan Allah dan ibnu sabil (orang yang sedang bermusafir bukan tujuan maksiat, putus perbelanjaan atau mengalami kesengsaraan).



Hikmah Berzakat:

Di antara hikmah Allah S.W.T mensyariatkan zakat ialah mengagihkan sebahagian kecil kekayaan golongan yang berada kepada golongan yang kurang berkemampuan. Selain itu, dengan membayar zakat kita dapat membersihkan diri dari sisfat-sifat mazmumah (tercela) iaitu hasad dengki, iri hati, sompong, takabbur dan sebagainya. Jika harta yang melimpah itu dimanfaatkan, sudah tentu terjalin keharmonian diantara golongan kaya dan miskin. Menunaikan zakat juga dapat membentuk akhlak mahmudah (mulia) seperti rasa bertolak ansur, bertaqwah dan rasa simpati kepada golongan yang kurang bernasib baik dan sebagainya.

Malah dengan membayar zakat kita akan mendapat keredhaan Allah, keberkatan dalam harta pencarian dan harta dalam simpanan menjadi bersih dari hak yang haram dimiliki iaitu hak-hak orang yang berhak menerima zakat dan mendapat balasan pahala berlipat kali ganda serta dikurniakan oleh Allah s.w.t syurga yang hakiki.

Disamping itu, mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t di kalangan orang yang berada. Hasilnya, nikmat yang disyukuri itu dijanjikan oleh Allah akan ditambahkan malah mengembangkan lagi hartanya.

Dengan membayar zakat bererti kita telah menjalankan salah satu rukun Islam yang lima. Sebaliknya apabila seseorang itu tidak menunaikan zakat, maka ancaman dari Allah SWT amat mengerikan, sebagaimana firman Allah dalam surah At-Taubah ayat ke 34-35:

“Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas dan perak itu dalam Neraka Jahanam, lalu diselar dengan dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”

Kesimpulan

Akhirnya, marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita dalam melaksanakan perintah Allah SWT dengan menunaikan kewajipan zakat dan memperbanyak amalan sedekah terutama di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini untuk meraih hidup yang damai di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat sana. Semoga amal soleh kita diterima dan dibalas berlipat kali ganda oleh Allah Azza Wa Jalla. Allahumma Ameen Ya Allah.



PENGENALAN KONSEP PERBANKAN ISLAM



Oleh:

Abdul Hafiz bin Alis

Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri

Sistem kewangan Islam sedang giat berkembang dalam pelaksanaan dan pengamalannya di negara kita. Sistem kewangan Islam di Malaysia merangkumi perbankan Islam, pasaran wang antara bank secara Islam, insurans Islam atau takaful, pasaran modal Islam serta institusi kewangan khusus yang menyediakan sumber pembiayaan alternatif.

Di kesempatan ini, sini, saya akan membicarakan mengenai sistem perbankan Islam yang semakin berkembang dari semasa ke semasa. Sistem tersebut pada masa ini semakin mendapat perhatian dari semua pihak. Ianya semakin bertambah pesat dengan kewujudan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan perbankan Islam. Dunia secara umumnya telah mengenali sistem ini dan bersedia untuk diaplikasikan oleh institusi perbankan masing-masing untuk ditawarkan kepada masyarakat.

Malaysia merupakan sebuah negara yang paling cepat perkembangannya dalam industri Kewangan Islam umumnya dan khususnya dalam perbankan Islam. Sistem perbankan Islam yang ada di Malaysia telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan menjadi contoh di mata dunia, malahan juga menjadi rujukan negara-negara lain bagi melaksanakan sistem perbankan Islam di negara masing-masing. Perbankan Islam yang ada ini telah memberikan pengguna pelbagai pilihan dalam memilih instrumen ataupun produk-produk yang ditawarkan. Umat Islam kini juga mempunyai pilihan untuk memilih sistem perbankan yang selama ini berpaksikan amalan riba' kepada satu sistem yang berteraskan Syariat Islam.

Perbankan Islam ialah perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam (Syariah), iaitu fiqh muamalat

(peraturan) Islam dalam transaksi. Kesemua peraturan dan amalan di dalam fiqh muamalat berasal dari Al Quran dan Al-Sunnah dan sumber undang-undang Islam sekunder yang lain seperti kesepakatan pendapat oleh ulama mujtahid tentang sesuatu hukum Syariah (ijma), menyamakan perkara baru yang tiada nas secara analogi (qiyas) dan hasil usaha daripada para mujtahid dalam merumuskan sesuatu hukum dan nilai melalui kaedah istinbat (ijtihad).

Setiap bank yang menggunakan sistem perbankan Islam perlulah mematuhi Prinsip Syariah (Syariah Compliant). Semua bank Islam dan bank-bank Skim Perkhidmatan Syariah (SPI) iaitu bank-bank yang menawarkan khidmat perbankan Islam perlu menubuhkan satu jawatankuasa Syariah (Shariah Committee) bagi membimbing dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah dan memastikan bahawa fungsi bank tersebut adalah mematuhi kehendak Syariah. Setiap perkhidmatan berteraskan Islam yang hendak ditawarkan perlulah mendapat khidmat nasihat daripada jawatankuasa Syariah masing-masing. Selain daripada itu, setiap bank Islam dan bank-bank skim perbankan Islam (SPI) boleh mendapatkan nasihat majlis penasihat Syariah (Shariah Advisory Council) iaitu badan Syariah tertinggi yang ditubuhkan di bank negara, ianya bagi memastikan keseragaman dalam pendapat dan amalan. Ahli-ahli jawatankuasa Syariah dan majlis penasihat Syariah kebanyakannya terdiri daripada para cendekiawan dan pakar Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam.

Beberapa konsep asas muamalat syariah yang digunakan dalam perbankan Islam iaitu melalui konsep Wadi'ah (Simpanan), Mudarabah (Perkongsian Keuntungan), Bai Bithaman Ajil-BBA (Penjualan Dengan Harga Tertangguh), Murabahah (Kos Tambahan), Musyarakah (Usaha sama), Ijarah Thumma Bai' (Sewa Beli), Wakalah (Wakil), Qard (Kontrak Hutang), dan





Hibah (Hadiah)

Wadi'ah bermaksud kontrak menyimpan sesuatu barang atau harta sebagai amanah. melalui kontrak ini, pelanggan akan mendepositkan wang tunai atau aset lain sebagai simpanan di bank. Bank akan menjamin keselamatan barang yang disimpan oleh pelanggannya.

Mudarabah (Perkongsian keuntungan) ialah suatu kontrak perkongsian keuntungan antara dua pihak, iaitu pemilik modal dan pengusaha. Pemilik modal akan menyediakan dana bagi pengusaha untuk menjalankan usaha niaga dan mendapat pulangan hasil daripada jumlah dana yang dilaburkan dalam usaha niaga tersebut berdasarkan nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui. Prinsip Mudarabah boleh digunakan dalam operasi perbankan Islam dalam dua cara: antara bank (sebagai pengusaha) dan pemilik modal dan antara bank (sebagai pemilik modal) dan pengusaha. Kerugian yang dialami akan ditanggung oleh pemilik modal.

Bai' Bithaman Ajil – BBA (Penjualan dengan harga tertangguh) Ini merujuk kepada jualan barang di mana penjual membayar kepada pembeli harga jualan secara tangguh berserta dengan suatu margin keuntungan yang dipersetujui, sama ada secara sekali gus atau secara ansuran.

Murabahah (Kos tambah) Seperti mana BBA, transaksi Murabahah melibatkan penjualan barang di antara penjual dan pembeli pada harga jualan yang telah termasuk margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bagaimanapun, penjual perlu memaklumkan kepada pembeli kos sebenar aset dan margin keuntungan semasa perjanjian jualan dibuat.



Musyarakah (Usaha sama) dalam konteks perniagaan dan perdagangan, Musyarakah merujuk pada perkongsian atau usaha sama perniagaan untuk mendapatkan keuntungan. Keuntungan yang diperoleh akan dikongsi oleh rakan kongsi berdasarkan nisbah yang dipersetujui yang mungkin tidak sama nisbahnya dengan jumlah pelaburan yang dibuat oleh rakan kongsi. Kerugian yang dialami akan dikongsi berdasarkan nisbah dana yang dilabur oleh setiap rakan kongsi.

Ijarah Thumma Bai' (Sewa beli) lazimnya digunakan dalam membiayai barang pengguna terutamanya pembiayaan kenderaan. Terdapat dua kontrak berasingan yang terlibat: Kontrak Ijarah (pajakan/penyewaan) dan Kontrak Bai' (jual beli).

Wakalah (Agensi) merupakan satu kontrak di mana seseorang (prinsipal) melantik pihak lain bagi bertindak mewakili dirinya (sebagai ejen) untuk melaksanakan tugas-tugas khusus. Pihak yang menerima tugas itu adalah ejen yang biasanya dibayar fi atas perkhidmatannya.

Qard (Kontrak hutang) di bawah perjanjian ini, pinjaman diberi untuk satu tempoh yang tetap atas semangat ihsan dan peminjam hanya perlu membayar balik jumlah pinjaman yang sebenar sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya peminjam membayar lebih berdasarkan budi bicaranya (tanpa ikatan perjanjian), ia dianggap sebagai tanda penghargaan kepada pemberi pinjaman.

Hibah (Ganjaran) merujuk kepada pemberian hadiah secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat yang diterima.

Demikianlah di antara konsep asas muamalat dalam perbankan Islam yang diguna pakai dalam sistem perbankan Islam. Keseluruhan konsep ini telah ditambah baik dalam memenuhi keperluan masyarakat. Melalui konsep-konsep ini dapatlah kita memahami secara tidak langsung mengenai sistem perbankan Islam. Oleh itu, sama-sama kita menunjukkan rasa cakna kita terhadap sistem ini. Tukarkan perbankan konvensional anda kepada perbankan Islam yang memenuhi prinsip-prinsip pematuhan Syariah.

Rujukan
www.bankinginfo.com.my



Bengkel Protokol dalam Majlis Rasmi



Gotong-royong Perdana



Hari Bersama KP



Pertandingan Bola Tampar dan Bowling Puspanita



Lawatan delegasi Indonesia



Lawatan Puspanita
ke Penjara Wanita
Kajang 18.04.2013



Perhimpunan
Bulanan TKSK
April 2013





Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.7, No.1, 2013



Makalah ilmiah yang memuatkan hasil penulisan karyawan berilmu dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Jurnal Pengurusan ini menjadi platform kepada penulisan yang menarik dan dinamik untuk rujukan dan panduan pengguna. Layari laman sesawang JAWHAR di www.jawhar.gov.my untuk mendapatkan naskah lengkap penerbitan JAWHAR.

Laporan Tahunan 2012

Memuatkan laporan lengkap program dan aktiviti JAWHAR sepanjang tahun 2012. Memamparkan penulisan dan gambar yang menarik untuk santapan mata pembaca. Banyak program dan aktiviti yang ingin dikongsikan oleh JAWHAR telah dipadatkan dalam Laporan Tahunan JAWHAR 2012. Dapatkan naskah lengkap di laman sesawang JAWHAR www.jawhar.gov.my bagi setiap penerbitan JAWHAR.





YANG PATAH TUMBUH

YANG HILANG BERGANTI

Kami mengucapkan selamat
mencurahkan bakti kepada warga
JAWHAR yang bertukar, begitu juga
kepada warga JAWHAR yang baru.

PEGAWAI BARU

**NAMA**

ENCIK ZAMFITRI BIN A RAHMAN

JAWATAN/GRED

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / F32
(MEMANGKU)

JABATAN / KEMENTERIAN TERDAHULU

(JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, PUTRAJAYA)

TARIKH MELAPOR DIRI

13 MEI 2013

PERTUKARAN KELUAR

**NAMA**

ENCIK MOHD RADZI BIN MOHAMMED ISMAIL

JAWATAN/GRED

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / F32

TARIKH BERTUKAR

27 MEI 2013

JABATAN/KEMENTERIAN BARU

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, PUTRAJAYA.

PERMATA JAWHAR



Alya Hawani Humaira binti Sabaruddin

Tarikh Lahir: 23 Jun 2013

Berat: 3.30 kg

Nama Ibu/Bapa: Hawariah binti Mohamad Anuar

Jawatan: Penolong Setiausaha Pejabat (Pengurusan)



Adli Ihsaani bin Mohammed Siddiqui

Tarikh Lahir: 30 Jun 2013

Berat: 3.37Kg

Nama Ibu/Bapa: Mohammed Siddiqui bin Mohamad Tarmizi

Jawatan: Penolong Pengarah (Pengurusan)



Muhammad Fahim Ulwan bin Abdul Halim

Tarikh Lahir: 18 Mei 2013

Berat: 3.21kg

Nama Ibu/Bapa: Abdul Halim bin Sunny

Jawatan: Ketua Unit Sumber Manusia)



Najdah Ulfah binti Roslan

Tarikh Lahir: 29 April 2013

Berat: 3.37 Kg

Nama Ibu/Bapa: Aliza binti Ahmad

Jawatan: Penolong Pengarah (Teknologi Maklumat)





KATA-KATA HIKMAH

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaianya

Kata-kata yang lemah dan beradab dapat melembutkan hati dan manusia yang keras

Bertambah kuat kepercayaan kepada agama, bertambah tinggi darjatnya di dalam pergaulan hidup, dan bertambah baik tingkahlaku dan akal budinya

Pergaulan mempengaruhi didikan otak. Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan orang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya

Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir

HAMKA -

BANYAKNYA GANJARAN

Puasa Ramadhan

PINTU SYURGA DIBUKA, DITUTUP PINTU NERAKA

"Apabila telah tiba Ramadhan, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup semua pintu neraka dan diikat semua syaitan."

(Hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

PAHALA BERLIPAT GANDA

"Segala amal kebaikan anak Adam itu dilipat-gandakan pahalanya kepada sepuluh hingga ke 700 kali ganda. Allah bersirman: 'Kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu adalah untuk-Ku dan Aku memberikan balasan kepadanya kerana dia telah meninggalkan syahwat dan makan minumnya kerana Aku.'

(Hadith riwayat Muslim)

PERISAI DARI SIKSAAN

"Puasa itu perisai yang dipergunakan seorang hamba untuk membentengi dirinya dari siksaan neraka."

(Hadith riwayat Imam Ahmad)

DOA SANGAT MUSTAJAB

"Tiga doa yang sangat mustajab, doa orang yang puasa, doa orang yang di zalimi dan orang yang musafir." (Hadith riwayat Al-Bukhari, Ahmad dan Tirmidzi)

DIAMPUNI SEGALA

DOSANYA YANG LALU

"Siapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampuninya segala dosanya yang telah lalu." (Hadith riwayat An-Nasai'e)

JAUH DARI API NERAKA

"Barangsiapa yang berpuasa sehari pada jalan Allah nescaya Allah akan menjauhkan mukanya dari api neraka (sejauh perjalanan) 70 tahun."

(Hadith riwayat Al-Bukhari)

BEROLEH 2 KEGEMBIRAAN

"...Dan bagi orang berpuasa dua kegembiraan iaitu; apabila berbuka, dia bergembira dengan waktu berbukanya dan apabila bertemu Tuhan-Nya, dia gembira dengan puasanya." (Hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

MASUK DALAM SYURGA

"Di dalam syurga terdapat satu pintu yang disebut Ar-Rayyan; pada hari Kiamat orang-orang yang berpuasa masuk daripadanya (dan) tidak seorang pun selain mereka memasukinya..."

(Hadith riwayat Al-Bukhari)

